

Perpaduan rakyat
lemah gugat
kedaulatan negara



Oleh Mohd Rozaimy Ridzuan
bhnews@bh.com.my

Pensyarah Dasar
Awam di Fakulti
Sains Pentadbiran
dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Raub,
Pahang

Sejak bangku sekolah, rakyat Malaysia didedahkan terma 'kedaulatan'. Namun, tidak semua betul-betul faham maksud sebenarnya.

Kedaulatan undang-undang menjadi prinsip keempat Rukun Negara. Ia bermaksud kerajaan mahupun rakyat tanpa mengira pangkat dan darjat adalah sama dan terikat di sisi undang-undang.

Dari segi tanggungjawab kerajaan, badan kehakiman perlu ditadbir urus secara cekap dan adil tanpa unsur ghaib mengawalinya. Rakyat pula perlu mengikut undang-undang termeterai supaya keharmonian negara terpelihara.

Dari segi kedaulatan antarabangsa, keanggotaan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membuktikan dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara bebas, merdeka dan berdaulat.

Konsep kedaulatan dan keselamatan saling berkait satu sama lain. Kedaulatan sesebuah negara akan meruap apabila keselamatan negara terganggu.

Lihat sahaja apabila British menjajah negara kita dahulu dan sewenang-wenangnya memperkenalkan dasar pecah dan perintah. Hingga kini, dasar itu memberi kesan mendalam terhadap jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat kita.

Ketidakstabilan politik juga mampu mengundang pihak luar mencampuri hal ehwal dalaman negara. Pihak ini diibaratkan menangkup di air keruh kerana sentiasa mengintai kelemahan.

Contohnya, Filipina dengan lantang dan tidak berputus asa menuntut Sabah hinggan ada usaha menjadikan Sabah sebahagian wilayahnya dalam passport negara itu: Isu itu dijadikan modal politik bagi meraih undi penduduk di selatan Filipina.

Baru-baru ini pula, dilaporkan 16 pesawat Tentera Udara Republik Rakyat China (PLAAF) dikesan memasuki ruang udara kawalan negara. Kedutaan Besar China di Malaysia kononnya mendakwa 'pencerobahan' itu latihan penerbangan biasa.

Nasib baik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pantas memintas pesawat terbabit. Persoalannya, adakah benar ruang udara Malaysia tidak diceroboh? China seharusnya mendapatkan kebenaran terlebih dahulu, kerana pesawatnya memasuki ruang udara dikawal Malaysia.

China juga diakui menggunakan diplomasi perangkap hutang untuk merobek kedaulatan negara berhutang dengannya. Jika dahulu kebanyakan negara berhati-hati menerima pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kini kebimbangan juga terarah kepada China.

Negara yang semakin agresif ingin menguasai dunia ini dikhuatiri memerang-

kap negara peminjam yang tidak mampu melunaskan hutang seperti berlaku di pelabuhan Sri Lanka.

Lintasan pesawat milik Israel ke ruang udara Malaysia pula menjadi persoalan besar terhadap keperluan negara itu berbuat sedemikian. Kementerian Pengangkutan (MOT) mengesahkan pesawat Israel yang melalui ruang udara Malaysia baru-baru ini mengikut peraturan ditetapkan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Namun, ia perlu diragui kerana sebelum ini Israel mendakwa terdapat rakyat Palestin di Malaysia yang menjalankan latihan ketenteraan secara taktikal dan merangka strategi menyerang Israel dan Malaysia antara lantang menentang kezaliman Zionisme tentera Israel.

Harus diperhalusi juga ancaman pernah dikeluarkan Korea Utara terhadap Malaysia suatu ketika dulu kerana melakukan ektradisi rakyatnya ke Amerika Syarikat.

Kedaulatan negara amat penting kerana ia alat mengelak negara terus dijajah atau dijarah

Ancaman sebegitu tidak boleh dipandang enteng kerana masih ada lagi rakyat mereka di negara kita.

Tuntasnya, jika rakyat Malaysia leka dengan pergelutan politik dalaman dan hal lain, tentu sahaja ruang ini digunakan sebaiknya pihak luar untuk merobek kedaulatan negara.

Tidak cukup isu dicituskan negara luar, rakyat di negara ini sendiri mencetuskan provokasi. Isu sensitif seperti agama dan bangsa turut dimainkan dan perkara sebegini membuka ruang kepada orang luar untuk 'acah-acah bersimpati' dengan nasib melanda negara.

Kedaulatan negara amat penting kerana ia alat mengelak negara terus dijajah atau dijarah. Kerajaan perlu menangani isu ini secara berhemah, tetapi tegas demi memberi isyarat bahawa Malaysia tidak berkompromi dalam hal kedaulatan dan keselamatan negara.

Perpaduan rakyat ditagih bagi mengekalkan kedaulatan negara, manakala perbezaan ideologi politik, kaum dan agama tidak sepatutnya dijadikan halangan kepada usaha memakmurkan negara.

Jangan pernah salahkan negara asing menjarah jika kita sendiri tamak dengan kuasa dan harta.